



Orang Asli Jakun raih pendapatan jual benih pokok Merbau

Mohd Rafi Mamat - September 3, 2022 @ 8:14am
bhnews@bh.com.my



Johari membekalkan benih pokok Merbau menerusi program 'Buy Back Guarantee' Tapak Semaian Tasik Chini. - NSTP/ MOHD RAFI MAMAT

PEKAN: Masyarakat Orang Asli di sekitar Tasik Chini, di sini, kini berpeluang menjana pendapatan tambahan melalui aktiviti semaian dan jualan benih pokok balak spesies Merbau.

Mereka hanya perlu mencari biji benih pokok balak itu untuk disemai dan dijaga, sebelum menjualnya apabila pokok matang.

Untuk pasaran, masyarakat Orang Asli tidak perlu risau kerana Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) memperkenalkan program 'Buy Back Guarantee' atau jaminan pembelian untuk setiap benih pokok yang matang.

Berdasarkan maklumat, sehingga kini 14 peserta Orang Asli suku Jakun terbabit dengan projek rintis itu, di mana mereka mengusahakan tapak semeian secara individu di Kampung Gumum, Kampung Melai, Kampung Cendahan dan Kampung Tanjung Puput, di sini.

Penolong Pengarah Silvikultur (Zon Pahang Timur I) JPNP, Nurfaizla Kamarulbahrin, berkata melalui projek rintis berkenaan pihaknya akan membeli anak pokok Merbau untuk ditanam semula di kawasan bekas lombong di Tasik Chini.

Katanya, pihak jabatan menyediakan semua kemudahan seperti polibeg, baja, tanah hitam dan jaring peneduh, manakala peserta hanya perlu mencari biji benih untuk disemai dan menjaganya sebelum menjualnya apabila pokok matang.

"Kita akan membeli semua benih pokok yang mencapai usia tiga hingga empat bulan untuk ditanam semula di kawasan bekas lombong di Tasik Chini.

"Kualiti anak pokok dihasilkan peserta program ini dianggap memuaskan dan kini usaha menambah pengeluaran benih pokok sedang dilakukan setiap peserta," katanya.

Seorang peserta, Johari Chot, 35 berkata sebelum terbabit projek tapak semeian peserta perlu mengikuti kursus disediakan JPNP dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS).

"Saya mencari biji benih pokok Merbau di kawasan Tasik Chini dan sepanjang Sungai Pahang, dengan bot terpaksa digunakan untuk sampai ke lokasi pokok Merbau yang berbuah.

"Selain mencari biji benih, saya juga mengambil anak pokok liar yang tumbuh untuk tanam semula dalam polibeg," katanya.

Proses semai benih Merbau mudah

Dia yang menetap di Kampung Tanjung Puput, berkata proses menyemai biji benih pokok Merbau mudah dengan hanya menyemainya dalam pasir dan selepas tumbuh, ia dipindah ke dalam polibeg sehingga berusia tiga bulan.

Katanya, kali pertama dia berjaya menjual lebih 200 anak pokok Merbau berusia tiga bulan diikuti lebih 600 untuk kali kedua, yang mana benih terbabit dibeli JPNP dan JPMS dengan harga RM3 setiap satu.

Seorang lagi peserta, Lina Baharin, 46, berkata dia menggunakan terluang untuk mencari biji benih Merbau bersama beberapa penduduk kampung di kawasan Tasik Chini dan sepanjang Sungai Pahang.

"Mengusahakan tapak semeian memberi pendapatan tambahan pada saya dan penjagaan benih pokok juga mudah iaitu hanya perlu disiram setiap hari," katanya yang tidak menyangka projek berkenaan memberi hasil lumayan.